

Musnah banjir RM100j

B/A 27/12

Bah di Johor kembali meruncing selepas hujan lebat di 2 daerah

KUALA LUMPUR: Kemusnahan harta benda, infrastruktur, tanaman dan ternakan akibat banjir di Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang sejak seminggu lalu dianggarkan lebih RM100 juta.

Johor, negeri paling teruk dilanda bencana alam itu dengan semua lapang daerah ditenggelami air, mencatat kerugian paling besar dengan anggaran awal lebih RM50 juta dan dijangka lebih tinggi jika banjir berlarutan.

Malah, ketika banjir di Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang semakin pulih, keadaan Johor yang agak reda kelmarin kembali meruncing ekoran hujan lebat di dua daerah - Kota Tinggi dan Johor Bahru sejak

malam semalam menyebabkan paras air kembali meningkat dan lima pusat pemindahan banjir dibuka semula.

Daerah Kota Tinggi juga terpaksa bergelap berikutan bekalan elektrik diputuskan semula oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk keselamatan kerana paras air, yang surut kelmarin dengan bacaan 0.3 meter, kembali meningkat kepada 0.6 meter malam tadi.

Sebanyak 100 sekolah di Johor mengalami kerosakan membabitkan kerugian lebih RM5 juta dengan penggal persekolahan tahun depan akan dibuka seminggu lagi.

Kerugian ditanggung TNB akibat kerosakan peralatan di 791 pencawang elektrik di empat negeri itu,

sebahagian besar di Johor, pula bernilai RM10 juta.

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menganggar kerugiannya mencecah RM1 juta berikutan pengantungan perkhidmatan selama beberapa hari. Ini tidak termasuk kos memperbaiki landasan sepanjang 500 meter yang dihanyutkan arus Sungai Genuang di Segamat.

Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) juga mendakwa ahlinya mengalami kerugian RM6.7 juta berikutan 6,600 hektar kawasan kelapa sawit ditenggelami air manakala pengusaha ladang sayur di seluruh Johor dikatakan kerugian kira-kira RM10 juta.

Sementara itu, jabatan dan agensi kerajaan termasuk balai polis dan

klirik desa serta kesihatan yang dinaiki air memerlukan tempoh lama untuk beroperasi seperti biasa.

Timbalan Pengarah (Kesihatan Awam) Datuk Dr Ramlee Rahmat, berkata 25 klinik desa dan kesihatan terjejas dalam kejadian banjir itu termasuk 16 di Johor, Pahang (enam) dan Melaka (tiga).

"Buat masa ini kita tidak boleh membuat sebarang taksiran kerugian kerana banjir belum surut sepenuhnya, tetapi kita menjangka ia masih dalam tahap selamat dan boleh dibaik pulih dengan segera untuk kegunaan orang ramai," katanya.

LIHAT MUKA 2

Lagi berita, gambar di muka 2, 3, dan 4

Enam pusat pemindahan dibuka semula

DARI MUKA 1

Katanya, lebih 300 pasukan ditugaskan untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada mangsa banjir sehingga keadaan pulih.

Menurut sumber, kerugian akibat banjir sejak seminggu lalu di Johor dianggarkan RM50 juta membabitkan sektor kerajaan dan swasta. Ia tidak termasuk kerugian ditanggung penduduk akibat kerosakan rumah, kenderaan, peralatan elektrik, perabot, pakaian dan buku sekolah.

Katanya, anggaran itu berdasarkan keadaan di bandar Segamat dan Kota Tinggi yang menyebabkan kerosakan teruk kepada bank, kedai, pasar raya serta jabatan kerajaan.

"Kos membaik pulih tentu besar kerana kerja pendawaian semula terpaksa dilakukan, selain menggantikan kelengkapan elektronik seperti komputer. Kita menjangka jumlah kerugian itu akan meningkat sekiranya banjir tidak pulih dalam seminggu," katanya.

Keadaan banjir di Johor semalam dilaporkan semakin pulih, tetapi 57,838 mangsa masih ditempatkan di 219 pusat pemindahan seluruh negeri, manakala hujan sejak malam kelmarin di daerah Johor Bahru menyebabkan enam pusat pemindahan dibuka semula bagi menempatkan 428 mangsa.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata antara sekolah terjejas teruk adalah di Muar, Segamat serta Batu Pahat dan Jabatan Pelajaran negeri sedang membuat taksiran kerugian.

"Kerugian RM5 juta itu taksiran awal terpaksa ditanggung Kementerian Pelajaran dan ia membabitkan peralatan serta kelengkapan sekolah termasuk komputer," katanya.

Di **NEGERI SEMBILAN**, pesawah di Kampung Londah, Gemas, mendakwa kerugian hampir RM500,000 apabila padi yang dijangka dituai pertengahan bulan depan, musnah ditenggelami air.

Berdasarkan taksiran setiap pesawah kerugian antara RM10,000 hingga RM20,000.

Di **PAHANG**, pengusaha ikan ternakan kolam di Kuantan mengalami kerugian puluhan ribu ringgit apabila beribu-ribu tilapia merah dari kolam Projek Kelompok Kolam Ikan Air Tawar Kampung Pandan 2, terlepas.

Di **MELAKA**, mangsa banjir yang ditempatkan di 12 pusat pemindahan di negeri itu berkurangan kepada 4,200 pagi semalam berbanding 4,438 malam kelmarin.



HANTAR BANTUAN: Sukarelawan MERCY dibantu tentera mengangkut bekalan ubat, makanan, pakaian dan barang keperluan untuk dihantar menggunakan bot tentera ke pusat pemindahan banjir yang terputus hubungan darat di Kota Tinggi.



ASAL SELAMAT: Penduduk Taman Kota Kecil, Kota Tinggi menaiki jentolak untuk berpindah ke pusat pemindahan selepas keadaan banjir di daerah itu tidak berubah.



BAWA BEKALAN: Mangsa dari Kampung Dalam Sungai Kenanga, Batu Pahat mengharungi air sejauh dua kilometer untuk ke pusat pemindahan.



BANTUAN KECEMASAN: Penghidap angin ahmar, Abd Kadir Tahir, 72, diusung dari rumahnya di Kampung Parit Jawa, Batu Pahat.



RINGKANKAN BEBAN: Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Kampung Pangkalan Badak, semalam.